


**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 3 APRIL 2016 (AHAD)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Perit bahang El Nino dan bekalan air	Bernama.com

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 3 APRIL 2016 (AHAD)**



### Perit Bahang El Nino Dan Bekalan Air



Musim panas sekarang menyebabkan paras air di Empangan Teluk Bahang, Pulau Pinang, begitu susut. Ramai orang sudah memikirkan akan berlakunya kekurangan bekalan air dan catuan mungkin terpaksa dilakukan.

KUALA LUMPUR (Bernama) -- Bila berlaku musim panas sekarang, mesti ramai yang mula berasa cemas memikirkan kekurangan bekalan air dan catuan yang mungkin terpaksa dibuat oleh pihak berkuasa berkenaan.

Kalau ini berlaku, ia bukanlah kali pertama.



Musim kemarau yang melanda negara sejak sebulan lepas menyebabkan juga kebimbangan para petani disebabkan sumber air untuk tanaman mereka sudah mula kering.

Seperti kata S. Piarapakaran, Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), sejak tahun 2014, beberapa insiden kekurangan bekalan air mentah serta insiden pencemaran air mentah telahpun berlaku.

Keadaan itu menyebabkan gangguan bekalan air terawat dan memaksa catuan air dilakukan.

Kata beliau, Johor, Negeri Sembilan, Selangor dan Pahang telah mengalami beberapa catuan air sejak tahun 2014 sehingga kini.



## KURANG HUJAN

Cuaca panas yang sedang melanda negara dikaitkan antaranya dengan fenomena El Nino yang berpunca daripada pemanasan lautan yang mencetuskan keadaan cuaca luar biasa.

Di tempat-tempat tertentu, fenomena ini mengakibatkan banjir teruk dan kemarau berpanjangan.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mengeluarkan kenyataan mengenai cuaca panas seawal Januari 2016 lagi.

Cuaca panas dan kering yang pada masa itu melanda Perlis dan Kedah dilaporkan dijangka dirasai juga di seluruh Semenanjung.

Keadaan cuaca panas serta kering luar biasa itu dijangka berlarutan dari bulan Januari hingga Mac 2016 dan dikaitkan dengan kejadian fenomena El Nino.

Turut terkesan dengan cuaca panas itu ialah Sabah dan Timur Sarawak.

Fenomena El Nino, menurut MOSTI, dijangka boleh menyebabkan pengurangan jumlah hujan antara 20 peratus hingga 60 peratus sementara suhu pula dijangka meningkat 0.5 darjah Celsius hingga 2.0 darjah Celsius, berbanding biasa.

Kejadian Ekuinoks yang berlaku pada 20 Mac lepas dijangka menambah kepada cuaca panas hingga bulan April.

Sehingga 18 Mac 2016, suhu tertinggi dicatat ialah 39.1 darjah Celsius iaitu di Alor Setar, Kedah sementara di Chuping, Perlis, suhu pada tarikh yang sama ialah 38.9 darjah Celsius.

Menurut rekod MOSTI, Chuping, Perlis pernah mencatat suhu 40.1 darjah Celsius pada 9 April 1998 sewaktu fenomena El Nino melanda kuat negara.

Perkara yang perlu diawasi akibat suhu melampau ialah gelombang haba, situasi yang boleh menyebabkan risiko kesihatan iaitu strok haba.

Menurut MOSTI, bagi Malaysia, ada dua situasi yang boleh menyumbang kepada gelombang haba.

Ambang gelombang haba berlaku apabila, satu, suhu tertinggi harian (atau suhu maksimum) sesuatu tempat telah mencapai 35 darjah Celsius untuk lima hari berturut-turut dan ia melebihi 2 darjah Celsius daripada purata jangka panjang suhu maksimum.

Situasi kedua, apabila suhu tertinggi harian mencapai atau melebihi 37 darjah Celsius untuk tempoh tiga hari berturut-turut untuk tempat berkenaan.

## CUACA PANAS DAN TABURAN HUJAN

Ketika cuaca panas, harapan untuk hujan begitu menggunung tinggi. Seheinggakan ada yang rela Kuala Lumpur dilanda banjir kilat hanya inginkan hujan lebat kerana tidak tahan dengan perit bahang cuaca panas.

Sememangnya ada hujan sejak beberapa hari lepas terutamanya di sebelah petang meskipun ada rakan-rakan yang merungut hujan di kawasan mereka macam pakai kad Touch N Go, terlalu sedikit dan sekejap.

Menurut Piarapakaran, musim panas banyak mempengaruhi taburan hujan dan akan menyebabkan ia berkurangan.

